



***EON Inspirasi***  
*Mohammad Nasrul*


***Breast Cancer***  
*Are Men at Risk?*

***Men vs Women***  
*A Genetic Perspective*

***Outdoor Recreation***  
*Trends among Youth*

***From Jogging***  
*to Ka-Ching!*

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



# Perspektif



## Sundar Pichai Menjadikan Google Lubuk Rekreasi



Oleh  
NORMALA BINTI ISMAIL dan MOHAMAD  
KAMIL ARIFF BIN DATO' KHALID

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM  
Cawangan Pahang, Kampus Jengka, 26400  
Jengka, Pahang

[nmala391@uitm.edu.my](mailto:nmala391@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR

Jika anda pernah melayari internet untuk mencari sesuatu, kemungkinan besar anda akan menggunakan enjin carian Google. Hari ini, Google diiktiraf sebagai sebuah syarikat teknologi multinasional yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan produk berorientasikan internet, antara yang paling berjaya adalah enjin carian Google Search, Gmail dan Cloud Computing. Sehingga kini, tiada enjin carian yang dapat menandingi kehebatan Google. Di sebalik kejayaan yang dikecapi, sudah semestinya terdapat individu yang bertanggungjawab memacu syarikat Google ini di persada dunia. Oleh itu, tema 'lelaki dan rekreasi' dalam majalah ini ingin berbicara mengenai Sundar Pichai, Ketua Pegawai Eksekutif Google, Inc. dan syarikat induknya, Alphabet Inc. dari tahun 2015 sehingga kini.

Dilahirkan di Tamil Nadu, India pada tahun 1972, Sundar Pichai telah mencapai banyak kejayaan. Walaupun dibesarkan dalam keluarga kelas pertengahan, kedua-dua ibu bapanya memastikan beliau dan adik-beradiknya mendapat pendidikan yang baik. Minat beliau terhadap teknologi menyebabkan beliau melanjutkan pelajaran dalam jurusan Teknologi Perniagaan dengan mengkhusus dalam bidang metalurgi di Indian Institute of Technology Kharagpur.

Beliau kemudiannya mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di Stanford University kerana dianugerahkan biasiswa dalam program Sarjana Sains dengan pengkhususan pada kejuruteraan dan sains bahan. Ironinya, bapa beliau terpaksa menghabiskan gaji setahun untuk membeli tiket kapal terbang bagi membolehkan Pichai meneruskan pengajian di Amerika Syarikat. Pada tahun 1995, selepas menamatkan pengajian, beliau terus menetap di Amerika Syarikat dan seterusnya, memperoleh Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Wharton School of the University of Pennsylvania.

Sebaik sahaja menamatkan pengajian, beliau bekerja sebentar di syarikat Allied Materials dan McKinsey & Co. Pichai akhirnya bekerja sebagai Ketua Pengurusan dan Pembangunan Produk di Google pada tahun 2004. Salah satu projek rintis beliau adalah membangunkan Google Toolbar kepada pengguna yang menggunakan pelayar web Microsoft Internet Explorer dan Mozilla Firefox bagi membolehkan enjin carian Google Search diakses dengan mudah.

Walaupun pada asalnya, keinginan Pichai untuk mencipta penyemak imbas dalam Google yang dipanggil sebagai Chrome telah ditolak oleh salah seorang pelabur utama syarikat, namun beliau tidak berputus asa. Akhirnya, hasil kerja keras beliau bersama pasukannya dapat meyakinkan pengasas syarikat Google untuk menghasilkan produk tersebut pada tahun 2006. Pada tahun yang sama, syarikat Microsoft mengeluarkan enjin carian Google Search daripada pelayar web Internet Explorer dan menggantikannya dengan Bing. Jika sebelum ini, syarikat Google mampu menjana berjuta-juta dolar kerana memperoleh 'trafik' yang tinggi pada setiap hari melalui pelayar web Internet Explorer, kewujudan Bing telah menjejaskan pendapatan syarikat. Walau bagaimanapun, Pichai dan pasukannya telah berjaya mengatasi situasi ini. Dalam masa dua puluh empat jam, mereka telah mencipta carian lubang gelung kerana enjin carian Google Search akan muncul semula melalui tettingkap timbul bagi mereka yang menggunakan Bing.



Ini bermakna syarikat Google berjaya mendapatkan semula 60 peratus pengguna asal mereka untuk menggunakan enjin carian Google Search sekali lagi. Rentetan ini, sebagai sebuah syarikat, Google di bawah seliaan Pichai, telah menetapkan beberapa langkah strategik bagi menangkis halangan yang tidak diduga berulang kembali pada masa hadapan. Salah satu langkah yang diambil adalah menandatangani perjanjian dengan syarikat-syarikat pengeluar mahupun pengedar komputer bagi memastikan Google Toolbar digunakan dan berfungsi sebagai enjin carian.

Justeru, pada tahun 2008, Pichai meneruskan usaha untuk membangunkan Google Chrome. Sehingga kini, tidak dapat dinafikan bahawa Chrome yang dihasilkan oleh beliau bersama pasukannya merupakan pelayar paling popular di dunia. Pada tahun yang sama juga turut menyaksikan beliau dilantik sebagai Naib Presiden Pembangunan Produk. Menjelang tahun 2014, beliau menjawat jawatan sebagai Naib Presiden Kanan dengan menerajui setiap bahagian produk dan kejuruteraan di syarikat Google dengan menyelia platform penting seperti Google Search, Gmail, Google Chrome, Google Play, Android, Google Map, Google Workspace dan yang berkaitan.

Di bawah kepimpinan Pichai, syarikat Google telah berjaya memperoleh Nest Labs melalui rundingan perjanjian yang bernilai USD3.20 bilion. Akibatnya, apabila Larry Page dan Sergey Brin, pengasas bersama Google, memutuskan untuk menubuhkan syarikat Alphabet Inc. Pada bulan Ogos 2014, Pichai telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Google, yang menjadi anak syarikat Alphabet Inc. Pada tahun 2019, beliau juga mengambil alih jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Alphabet Inc. apabila Page meletak jawatan. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif ketiga dan ketua bukan kulit putih yang pertama berkhidmat di syarikat Google. Pichai mengecapi kejayaan apabila Wharton School of the University of Pennsylvania mengiktiraf beliau sebagai Cendekiawan Siebel dan juga Cendekiawan Palmer disebabkan oleh bakat akademiknya.

Sebagai seorang yang berwawasan, Sundar Pichai percaya dalam menyepadukan teknologi yang terkini dengan teknologi pada masa lalu. Walaupun banyak syarikat gergasi teknologi lain menerima metaverse sebagai lonjakan selanjutnya, Pichai melihat masa hadapan Google dalam carian internet. Beliau berpendapat bahawa pengguna akan bertanya lebih banyak soalan kepada komputer melalui pengecaman suara dalam pelbagai mod.

Pichai menerajui syarikat Google dengan memajukan kecerdasan buatan, teknologi digital, pembelajaran mesin dan pengkomputeran kuantum. Minat Pichai terhadap teknologi bermula apabila bapanya menghadihkan sebuah komputer peribadi. Beliau terkesima dan menghabiskan masa berjam-jam menerokai keupayaan teknologi sehingga menjadikan beliau antara Ketua Pegawai Eksekutif yang paling berpengaruh dan hebat di dunia.

*Kisah Sundar Pichai ini adalah sebuah kisah ketabahan dan keazaman. Kerja keras, dedikasi dan inovasi beliau telah membuahkan hasil. Namun, kejayaan yang dikecapi oleh beliau tidak dijadikan sebagai penghalang dalam terus 'berekreasi' dengan idea dan ciptaan terkini untuk kebajikan dan manfaat manusia sejagat. Bukan sahaja syarikat Google, malah kita juga turut bertuah dapat merasai sumbangan beliau.*

Rujukan:

Asri Yussof. (2018). INSPIRASI: Siapakah Sundar Pichai, CEO Google yang anda patut tahu. PTS. 7 Dec 2018. Diakses daripada

<https://pts.com.my/berita/siapakah-sundar-pichai-ceo-google-yang-patut-anda-tahu>

Izwan Ramlan. (2023). CEO Google guna AI untuk masa depan, garis peluang selepas 12,000 kakitangan diberhentikan. 4 Feb 2023. Diakses daripada <https://www.getaran.my/artikel/tara/40265/ceo-google-guna-ai-untuk-masa-depan-garis-peluang-selepas-12000-kakitangan-diberhentikan>.

Osman Affandi. (2017). Sundar Pichai: Dari keluarga miskin, kini CEO Google. ILUMINASI. 14 Oct 2017. Diakses daripada <https://iluminasi.com/bm/latarbelakngan-kejayaan-awal-sundar-pichai-ceo-google-hidup-yang-penuh-sederhana.html>